

# KENYATAAN MEDIA

## HENTIKAN MEMPOLITIK TH

**Jumaat, November 18, 2016:** Lembaga Tabung Haji (**TH**) tidak akan berkompromi dengan aktiviti rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. **TH** memandang serius perkara tersebut dan sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan Tadbir Urus Korporat dan amalan perniagaan baik dalam operasinya. Sekiranya timbul isu sebegini, **TH** akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Berhubung dakwaan yang mengaitkan cabaran perniagaan yang dihadapi oleh TH Heavy Engineering (THHE) kepada penahanan bekas Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, kami berpendapat dakwaan ini jelas bertujuan untuk mengelirukan masyarakat. Isu penahanan ini berdasarkan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tentang tuduhan salah laku individu. THHE adalah salah sebuah daripada syarikat pelaburan **TH** yang tersenarai di Bursa Malaysia. Oleh itu, ia mempunyai Lembaga Pengarah dan Struktur Tadbir Urus tersendiri. THHE juga telah mengedarkan kenyataan akhbar bagi menekankan bahawa syarikat akan terus memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan.

Namun, cabaran perniagaan yang dihadapi THHE berpunca dari kejatuhan harga minyak mentah global semenjak 2014, yang memberi impak kepada industri minyak dan gas Malaysia serta keadaan ekonomi dunia. Perkara ini memberi impak kepada aktiviti carigali serta pengeluaran minyak dan gas. Ianya juga membawa kesan negatif kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ini secara keseluruhan. Banyak syarikat terpaksa berhadapan

dengan realiti pengecilan, pemotongan kos dan penstrukturran semula aktiviti utama syarikat. Sepertimana yang dihadapi oleh kebanyakan syarikat di dalam industri ini, kejatuhan harga minyak mentah dan ramalan keadaan sektor yang kurang memberangsangkan telah memberi tekanan kepada kewangan THHE serta kesan kepada perniagaannya.

Tuduhan berterusan terhadap **TH** ini berbaur politik. **TH** sentiasa memberi fokus kepada prestasi terbaik dalam perniagaan dan pelaburannya, berlandaskan syariah demi kepentingan pendepositnya. Halatuju pelaburan **TH** adalah berdasarkan polisi Alokasi Aset Strategik. Setiap aktiviti pelaburan akan melalui proses penilaian yang tegar termasuk pelbagai proses kelulusan.

Kami mengalukan siasatan oleh pihak berkuasa untuk membentras aktiviti yang menyalahi undang-undang, amalan penyalahgunaan kuasa bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti, integriti serta amalan perniagaan baik dan beretika kekal di dalam operasi sebagai kriteria penting dalam Tadbir Urus Korporat **TH**. Sebagai Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan, **TH** tidak bertoleransi dan telah mengambil langkah sewajarnya dalam membendung sebarang perlakuan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

-TAMAT-

---

### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.